

# Harga import, eksport kembali positif

**Harga eksport** Malaysia pada Februari 2024, meningkat 0.1 peratus daripada 147.2 mata pada bulan sebelumnya kepada 147.3 mata. Begitu juga, harga import naik 1.1 peratus daripada 128.5 mata kepada 129.9 mata, manakala terma perdagangan Malaysia merosot 1.0 peratus bulan ke bulan kepada 113.4 mata pada Februari 2024.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, indeks nilai seunit eksport naik 0.1 peratus pada Februari 2024 berbanding bulan sebelumnya, disumbangkan oleh kenaikan indeks bahan kimia (1.0 peratus), pelbagai barang keluaran kilang (0.7 peratus) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (0.7 peratus).

Namun katanya, indeks volum eksport jatuh 9.1 peratus selaras dengan kejatuhan indeks minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (-21.9 peratus), minyak galian (-9.8 peratus) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-9.2 peratus).

“Indeks volum eksport pelarasan bermusim turut menguncup 4.1 peratus daripada 163.5 mata kepada 156.8 mata. Merujuk kepada perbandingan tahunan, indeks nilai seunit bertambah 4.3 peratus manakala indeks volum berkurang 5.0 peratus.

“Indeks nilai seunit import bertambah 1.1 peratus pada Februari 2024, disumbangkan oleh peningkatan indeks minyak galian (2.0 peratus), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (1.7 peratus) dan pelbagai barang keluaran kilang (0.3 peratus),” katanya dalam kenyataan.

Sementara itu, Mohd Uzir berkata, indeks volum import jatuh 11.4 peratus pada Februari 2024 berbanding bulan sebelum, disumbangkan oleh kejatuhan dalam indeks makanan (-26.7 peratus), barang-barang keluaran kilang (-19.3 peratus) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-11.8 peratus).

“Indeks volum import pelarasan bermusim susut 6.5 peratus daripada 208.0 mata kepada 194.4 mata.

“Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan indeks nilai seunit dan indeks volum import masing-masing berkembang 0.9 peratus dan 7.4 peratus.

“Di samping itu, terma perdagangan Malaysia merosot 1.0 peratus bulan ke bulan kepada 113.4 mata pada Februari 2024, didorong oleh penurunan indeks minyak galian (-5.1 peratus), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-1.0 peratus) dan minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (-0.8 peratus),” katanya.